

KENYATAAN AKHBAR

PRODUK TRADISIONAL “PO CHAI PILLS” YANG DISYAKI TIRUAN DICAMPUR PALSU DENGAN DICLOFENAC

Department of Health, Hong Kong pada 22 Jun 2010 telah mengeluarkan amaran kepada orang ramai untuk tidak membeli atau menggunakan produk tradisional yang disyaki tiruan iaitu “Po Chai Pills” (nombor kelompok 21214) yang dikesan mengandungi racun diclofenac. Produk dari kelompok ini didapati berbeza dari aspek pembungkusan dan warna pil yang lebih gelap berbanding dengan produk asal.

Di Malaysia, Pihak Berkuasa Kawalan Dadah (PBKD) telah mendaftarkan satu produk yang dikilangkan oleh Li Chung Shing Tong, Hong Kong dengan nama “Poh Chai Pill” (nombor pendaftaran MAL 19988034T) yang digunakan secara tradisional untuk melegakan demam, selsema, cirit birit, muntah dan sakit perut. Pemegang pendaftaran yang merupakan pengedar tunggal produk “Poh Chai Pills” di Malaysia iaitu Po Chai Herbal Technology (M) Sdn. Bhd. telah memberi pengesahan bahawa produk campurpalsu kelompok 21214 berkenaan tidak dikilangkan oleh pengeluar di Hong Kong dan ianya adalah produk tiruan.

Diclofenac merupakan sejenis ubat penahan sakit yang mendatangkan kesan-kesan sampingan seperti gangguan gastro-usus termasuk sakit gastrik, loya, muntah-muntah, ulser peptik dan pendarahan. Diclofenac adalah racun yang disenaraikan dalam Jadual Pertama di bawah Akta Racun 1952 dan hanya boleh dibekal oleh doktor atau ahli farmasi.

Orang awam dinasihatkan supaya berwaspada ketika membeli produk ini dan memastikan ianya produk yang tulen. Produk-produk tradisional yang berdaftar di Malaysia dinilai dari segi kualiti dan keselamatan dan disyaratkan untuk mempunyai pelekat hologram dan sekiranya terdapat sebarang keraguan, orang ramai boleh menyemak kesahihan produk di Farmasi komuniti swasta berdekatan.

Tan Sri Dato' Seri Dr Hj Mohd Ismail Merican
Ketua Pengarah Kesihatan Malaysia
Merangkap Pengerusi PBKD
Kementerian Kesihatan Malaysia
25 Jun 2010